

OPR dikurangkan kepada 3%

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

14/4

KUALA LUMPUR 13 Julai - Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) kepada 3 peratus berbanding 3.25 peratus sebelum ini, dengan alasan ekonomi global mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana dan kelemahan sektor luaran.

Keputusan itu dicapai melalui mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan hari ini.

Malah menurut bank pusat itu, penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan dalam pendapatan dan guna tenaga, serta langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan.

“Sungguhpun pelaburan dalam sektor minyak dan gas semakin

sederhana, pelaburan keseluruhan dijangka disokong oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan,” menurut BNM dalam kenyataannya di sini hari ini.

Penurunan OPR itu seterusnya dijangka mampu mendorong bank-bank tempatan mengurangkan kadar faedah pinjaman kepada pengguna. BNM juga menetapkan kadar tertinggi dan terendah bagi koridor OPR juga dikurangkan, masing-masing kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus.

Jelas BNM, tanda-tanda semakin nyata momentum pertumbuhan ekonomi utama menjadi semakin sederhana. Prospek pertumbuhan global menjadi lebih rendah berikutan kesan yang mungkin timbul daripada referendum Kesatuan Eropah (EU) di United Kingdom.

“Meskipun ekonomi negara dijangka terus berkembang pada tahun 2016 dan 2017, persekitaran global yang tidak menentu mungkin akan memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan Malaysia,” jelas bank pusat itu.

BNM bagaimanapun meramalkan eksport Malaysia akan kekal lemah berikutan permintaan yang lembap daripada negara perdagangan utama negara.

Bank pusat itu juga menjelaskan, inflasi dijangka lebih rendah kesan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang semakin berkurangan serta harga tenaga dan komoditi yang lembap.

“Sehubungan dengan itu, inflasi diunjurkan lebih rendah pada dua hingga tiga peratus pada tahun 2016, berbanding dengan unjuran awal pada 2.5 peratus hingga 3.5 peratus dan terus stabil pada tahun 2017.



BANK Negara Malaysia menjangka ekonomi negara terus berkembang pada tahun 2016 dan 2017.